

Buku sejarah silat Persisi siap 1988?

KEGIATAN persilatan Melayu di sini akan dapat dikenalkan dengan lebih luas kepada negara-negara lain apabila buku sejarah silat Republik ini diterbitkan menjelang 1988.

Kini, usaha-usaha menerbitkan buku itu sedang dijalankan oleh Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dengan merakamkannya lebih dulu menerusi video.

Ia merupakan lanjutan daripada usaha menerbitkan buku yang sama yang telah terbantut dalam 1982.

Bagaimanapun, kegagalan yang berpunca daripada beberapa sebab itu tidak menjadi penghalang kepada penerusan usaha Persisi menerbitkan buku itu.

Penggunaan video dirasakan lebih mudah untuk mendapatkan bahan-bahan interviu bagi diabadikan dalam buku tersebut.

Menerangkan demikian, Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, menambah bahawa penerbitan buku itu pasti dapat dilaksanakan dengan sebaiknya jika semua perguruan silat di sini, sama ada yang menjadi kerabat Persisi atau tidak, memberi sokongan.

Menerusi rakaman video yang telah dijalankan sejak beberapa bulan lalu, interviu dengan beberapa orang pemimpin perguruan silat telah dan sedang dijalankan dan akan dipetik untuk dimuatkan dalam buku itu.

Ia penting, kata Encik Johari, kerana dapat menerangkan tentang sejarah

Usaha dibuat dengan bantuan rakaman video

Oleh NURYATI DURIAT

sesebuah perguruan silat di sini.

"Penerbitan buku itu memang memakan masa agak lama kerana kami berasa perlu menghasilkan buku yang benar-benar baik dan bermutu, bukan setakat 'tangkap muat'.

"Kami yakin kerjasama daripada pihak-pihak berkenaan akan membolehkan buku itu dihasilkan dengan baik," katanya.

Perguruan-perguruan silat diminta memberi sumbangan kepada penerbitan buku itu dan mereka boleh menghubungi Encik Johari

menerusi nombor 7458669.

Menurut beliau lagi, Persisi menjangkakan penerbitan buku itu dalam 1988, sesuai dengan permintaan Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) yang merancang mengumpulkan sejarah seni silat di Malaysia, Indonesia dan Singapura dalam tahun itu.

"Kami dari Jabatan Buku Silat Persisi merancang menerbitkannya dalam dua bahasa iaitu Melayu dan Inggeris, kerana buku itu akan dibaca bukan saja oleh orang-orang Melayu, malah kaum lain," kata beliau.

Sebelum ini, kegiatan persilatan di Singapura memang telah dikenali di luar negeri seperti Sepanyol, Austria dan Perancis.

Ini disebabkan Persisi dalam 1984, atas permintaan mereka, telah mengirim beberapa pita video mengenai kesenian dan silat olahraga ke tiga negara itu.

"Mereka perlu mengetahui tentang pergerakan kesenian dan persilatan di sini," kata beliau sambil merujuk kepada Kejohanan Silat Antarabangsa yang dilangsungkan di Vienna, Austria, dari 26 Julai hingga 3 Ogos lalu.



• ENCIK JOHARI
Meminta perguruan silat memberi sumbangan

22 OCT 1986

22 OCT 1986